

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH]**

SOALAN :

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah perlu berlaku pengasingan pentadbiran di kawasan FELDA berbanding kampung tradisi. Di penempatan peneroka, Jawatan Kuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) berperanan sebagai badan pentadbir di bawah FELDA. Berbeza dengan kampung tradisi di mana Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di bawah Kerajaan Negeri. Perbezaan ini menyebabkan kesukaran JKKR mendapatkan peruntukan pembangunan berbanding JKCC.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Kemajuan Rancangan FELDA (JKKR) merupakan badan permesyuaratan tertinggi peneroka rancangan FELDA yang telah diwujudkan sejak peneroka memasuki rancangan samada sawit atau getah. Badan ini berfungsi bagi melaksana dan menggerakkan aktiviti pembangunan sosio-ekonomi, modal insan dan kepimpinan komuniti seramai 112,365 orang peneroka di 317 rancangan FELDA.

Bagi rancangan yang belum mendapat hakmilik tanah, badan JKRR bertindak sebagai pelaksana, penggerak dan pemantau dalam menguruskan biro-biro JKRR seperti Biro Ladang, Biro Sosial, Biro Pelajaran dan Biro Ekonomi serta turut menyelaras seluruh aktiviti di bawah Gerakan Persatuan Wanita (GPW), Persatuan Belia, Badan Masjid, agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan di FELDA.

Setiap tahun FELDA memperuntukkan sejumlah besar dana bagi menggerakkan aktiviti pembangunan komuniti dan penyelenggaraan infrastruktur rancangan yang diselaraskan secara bersama oleh pengurusan rancangan FELDA dan badan peneroka rancangan. Badan JKRR juga mengurus dan menggembeng sumbangan kewangan peneroka bagi membiayai aktiviti biro dan blok perumahan peneroka, aktiviti kerohanian, keselamatan dan keceriaan bagi keharmonian masyarakat serta memperindahkan perkampungan FELDA.

Sehingga Mac 2016, seramai 22,064 peneroka (19.60%) yang belum mendapat hak milik tanah dan masih perlu diuruskan secara terancang di bawah pentadbiran JKRR yang diselaras dan dipantau terus oleh pengurusan FELDA. Begitu juga bagi majoriti daripada 90,572 peneroka (80.40%) yang telah mendapat hak milik, masih memerlukan pentadbiran dan kepimpinan rancangan di bawah JKRR berbanding institusi JKKK. Sehingga ini, sebanyak 211 rancangan FELDA adalah di bawah pentadbiran JKRR dan bakinya di bawah JKKK. Ini bertujuan bagi memastikan sasaran visi dan misi kerajaan dan FELDA dapat dicapai selaras lima teras FELDA yang digariskan oleh Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri FELDA. Antara teras utama yang digariskan ialah untuk menjadikan komuniti peneroka sebagai komuniti contoh luar bandar dan warga peneroka menjadi golongan berpendapatan tinggi.

Justeru, tidak timbul masalah dalam penyaluran peruntukan pembangunan malahan pengurusan FELDA sentiasa mengagih dan menyalurkan peruntukan khususnya bagi aktiviti komuniti dan infrastruktur untuk seluruh rancangan FELDA samada di bawah JKRR atau JKKK.

Sekian. Terima kasih.